



KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR (4 OGOS 2022) - Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah menerima aduan berkenaan kes kematian Kim Shih Keat, 36 tahun, yang ditemui mati di Penjara Kluang, Johor pada 28 Jun 2022.

Selaras dengan bidang kuasanya, SUHAKAM telah bertindak di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 [Akta 597] menjalankan siasatan dan telah merekodkan maklumat terperinci daripada keluarga mendiang serta membuat lawatan ke Penjara Kluang pada 2 Ogos 2022 untuk mendapatkan keterangan lanjut serta merekodkan keterangan anggota penjara dan juga rakan sel yang berkenaan.

SUHAKAM memandang serius isu kematian dalam tahanan dan sering mengadakan perbincangan dengan kesemua pihak berkepentingan untuk merangka prosedur operasi standard (SOP) dan juga penggubalan atau pindaan undang-undang yang perlu untuk mengatasi isu ini. SUHAKAM berpendirian bahawa kesemua kematian dalam tahanan seharusnya disiasat secara terbuka dan menyeluruh melalui prosiding inkuies. SUHAKAM ingin menekankan akan kepentingan penubuhan Unit Kesihatan Dalam Tahanan Polis yang berperanan untuk memantau dan menguruskan perkhidmatan kesihatan di pusat tahanan polis bagi mengurangkan risiko kejadian kematian dalam tahanan. Inisiatif ini dimulakan oleh SUHAKAM dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada 2016, SUHAKAM telah menerbitkan laporan bertajuk “Kematian Dalam Tahanan Polis: Satu Kaji Selidik Mengenai Keadaan Lokap dan Faktor-faktor Penyumbang kepada Kematian” dan pada 2017 SUHAKAM juga telah menerbitkan laporan bertajuk “Hak Kepada Kesihatan di dalam Penjara: Laporan dan Hasil Kaji Selidik di Malaysia” yang mana kedua-dua laporan ini menekankan akan kepentingan untuk memantau serta menguruskan kesihatan tahanan semasa mereka berada dalam tahanan.

Hak kepada nyawa adalah dijamin di bawah Perkara 5 (1) Perlembagaan Persekutuan, Perkara 3 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (UDHR) dan Perkara 6 Kovenan Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR). Isu kematian dalam tahanan akan kekal menjadi fokus utama dan SUHAKAM sentiasa bersedia bekerjasama dengan pihak berkuasa mencari jalan dan cara untuk mengurangkan risiko kematian dalam tahanan.

-TAMAT-

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)

4 Ogos 2022

Pertanyaan Media: Sila hubungi Pn. Norashikin Hamzah melalui 03-2612 5687 / 019-621 5336 atau shikin@suhakam.org.my